



30 Mac 2026  
30 March 2026  
P.U. (A) 144

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PEKERJA GIG  
(TRIBUNAL PEKERJA GIG) 2026

*GIG WORKERS (GIG WORKERS TRIBUNAL)  
REGULATIONS 2026*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEKERJA GIG 2025

PERATURAN-PERATURAN PEKERJA GIG (TRIBUNAL PEKERJA GIG) 2026

---

SUSUNAN PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Rujukan kepada Tribunal
3. Perwakilan di hadapan Tribunal
4. Pendengaran
5. Nota keterangan
6. Penangguhan
7. Penarikan balik pertikaian oleh pihak-pihak
8. Award untuk penyelesaian dipersetujui
9. Fi bagi sebab bagi award dan penolakan aduan
10. Rekod prosiding

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PEKERJA GIG 2025

PERATURAN-PERATURAN PEKERJA GIG (TRIBUNAL PEKERJA GIG) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 112(b) Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pekerja Gig (Tribunal Pekerja Gig) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 31 Mac 2026.

**Rujukan kepada Tribunal**

2. Apabila menerima suatu pertikaian atau perkara yang dirujuk oleh Pendamai di bawah subseksyen 19(5) atau 21(2) Akta atau oleh Menteri di bawah subseksyen 20(3) Akta, Pendaftar hendaklah—

(a) menyebabkan rujukan itu diakuterima dan diletakkan tarikh dan dicatatkan dalam Daftar Tribunal Pekerja Gig; dan

(b) menyampaikan suatu notis pendengaran dalam Jadual Pertama kepada pihak-pihak kepada pertikaian itu tidak kurang dari tiga puluh hari sebelum tarikh pendengaran.

**Perwakilan di hadapan Tribunal**

3. Bagi maksud subseksyen 36(2) Akta, mana-mana pihak yang berniat untuk diwakili dalam prosiding di hadapan Tribunal hendaklah menandatangani suatu surat wakil kuasa sebagaimana yang ditentukan oleh Tribunal.

**Pendengaran**

4. (1) Suatu pendengaran di hadapan Tribunal boleh dijalankan secara fizikal atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Bagi maksud pernyataan bertulis di bawah subseksyen 41(1) Akta, Tribunal boleh mengarahkan Pendaftar untuk menyediakan pernyataan bertulis.

(3) Tribunal boleh membuat suatu award selepas memberi pertimbangan kepada keterangan yang dikemukakan semasa pendengaran.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.

### **Nota keterangan**

5. Tribunal hendaklah, bagi tiap-tiap pendengaran—

(a) mengambil nota keterangan dan merekod keterangan tiap-tiap pihak kepada pertikaian;

(b) membuat nota yang berhubungan dengan award yang dibuat dalam nota keterangan; dan

(c) menandatangani nota keterangan sebagai nota keterangan rasmi.

### **Penangguhan**

6. Tribunal boleh dari semasa ke semasa menangguhkan suatu pendengaran mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

### **Penarikan balik pertikaian oleh pihak-pihak**

7. (1) Mana-mana pihak kepada pertikaian boleh menarik balik pertikaian secara lisan atau bertulis pada bila-bila masa sebelum Tribunal membuat apa-apa award.

(2) Tribunal hendaklah memaklumkan kepada pihak satu lagi berkenaan dengan penarikan balik pertikaian di bawah subperaturan (1).

**Award untuk penyelesaian dipersetujui**

8. Jika, pada bila-bila masa sebelum suatu award dibuat oleh Tribunal, pihak kepada pertikaian telah mencapai suatu penyelesaian dipersetujui, Tribunal hendaklah merekodkan penyelesaian dipersetujui itu dalam bentuk suatu award.

**Fi bagi sebab bagi award dan penolakan aduan**

9. Selepas pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua oleh pihak kepada pertikaian, Tribunal hendaklah memberi pihak itu, secara bertulis, sebab bagi award atau penolakan aduan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 42(3) Akta dengan menghantar dokumen itu secara kediri atau melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada pihak itu di alamat terakhirnya yang diketahui.

**Rekod prosiding**

10. Bagi prosiding di hadapan Tribunal, Pendaftar hendaklah menyimpan semua rekod prosiding dalam fail masing-masing dan Tribunal boleh mengarahkan prosiding direkodkan secara elektronik, sama ada secara sepenuhnya atau sebahagian.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]

AKTA PEKERJA GIG 2025

PERATURAN-PERATURAN PEKERJA GIG (TRIBUNAL PEKERJA GIG) 2026

DALAM TRIBUNAL PEKERJA GIG

DI NEGERI \_\_\_\_\_

MALAYSIA

NO. PERTIKAIAN: \_\_\_\_\_

NOTIS PENDENGARAN

ANTARA

.....  
DAN  
.....

**AMBIL PERHATIAN** bahawa pertikaian ini akan didengar oleh Tribunal di \_\_\_\_\_ pada \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ tahun \_\_\_\_\_ pada pukul \_\_\_\_\_ pagi/petang.

**AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA** bahawa sekiranya tuan/puan gagal untuk hadir, Tribunal boleh, menurut seksyen 39 Akta, mendengar dan memutuskan pertikaian ini jika Tribunal berpuas hati bahawa notis pendengaran telah disampaikan dengan sewajarnya kepada pihak yang tidak hadir.

Bertarikh pada \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 20 \_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(Meterai)  
Pendaftar

## JADUAL KEDUA

[Peraturan 9]

FI

(1) Perihal	(2) (RM)
Sebab bagi award atau penolakan aduan	10.00

Dibuat 26 Mac 2026

[KSM.PUU(S)600-1/1/38(5); PN(PU2)780]

DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN  
*Menteri Sumber Manusia*

GIG WORKERS ACT 2025

GIG WORKERS (GIG WORKERS TRIBUNAL) REGULATIONS 2026

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

Regulation

1. Citation and commencement
2. Reference to Tribunal
3. Representation before Tribunal
4. Hearing
5. Notes of evidence
6. Adjournment
7. Withdrawal of dispute by parties
8. Award for agreed settlement
9. Fee for reasons for award and dismissal of complaint
10. Record of proceedings

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

GIG WORKERS ACT 2025

GIG WORKERS (GIG WORKERS TRIBUNAL) REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 112(*b*) of the Gig Workers Act 2025 [*Act 872*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Gig Workers (Gig Workers Tribunal) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 31 March 2026.

**Reference to Tribunal**

2. Upon receiving a dispute or matter referred to by the Conciliator under subsection 19(5) or 21(2) of the Act or by the Minister under subsection 20(3) of the Act, the Registrar shall—

(*a*) cause the reference to be acknowledged and dated and be entered in the Register of Gig Workers Tribunal; and

(*b*) serve a notice of hearing in the First Schedule to the parties to the dispute in not less than thirty days before the date of hearing.

**Representation before Tribunal**

3. For the purposes of subsection 36(2) of the Act, any party who intends to be represented in proceedings before the Tribunal shall sign a letter of authorization as determined by the Tribunal.

**Hearing**

4. (1) A hearing before the Tribunal may be conducted physically or through remote communication technology, as the case may be.

(2) For the purposes of a written statement under subsection 41(1) of the Act, the Tribunal may direct the Registrar to prepare a written statement.

(3) The Tribunal may make an award after taking into consideration the evidence adduced at the hearing.

(4) For the purpose of this regulation, “remote communication technology” means a live video link, live television link or any other electronic method of communication.

### **Notes of evidence**

5. The Tribunal shall, for each hearing—

(a) take notes of evidence and record evidence of every party to the dispute;

(b) make a note relating to the award made in the notes of evidence; and

(c) sign the notes of evidence as the official notes of evidence.

### **Adjournment**

6. The Tribunal may from time to time adjourn a hearing in any manner as it thinks fit.

### **Withdrawal of dispute by parties**

7. (1) Any party to the dispute may withdraw the dispute orally or in writing at any time before the Tribunal makes any award.

(2) The Tribunal shall inform the other party in respect of the withdrawal of the dispute under subregulation (1).

**Award for agreed settlement**

8. If, at any time before an award is made by the Tribunal, the parties to the dispute have reached an agreed settlement, the Tribunal shall record the agreed settlement in the form of an award.

**Fee for reasons for award and dismissal of complaint**

9. Upon the payment of the fees prescribed in the Second Schedule by the party to the dispute, the Tribunal shall give the party, in writing, the reasons for the award or dismissal of the complaint as provided under subsection 42(3) of the Act by delivering such document personally or by registered post addressed to the party at his last known address.

**Record of proceedings**

10. For proceedings before the Tribunal, the Registrar shall keep all records of the proceedings in the respective files and the Tribunal may direct that the proceedings be recorded electronically, whether in whole or in part.

FIRST SCHEDULE

[Regulation 2]

GIG WORKERS ACT 2025

GIG WORKERS (GIG WORKERS TRIBUNAL) REGULATIONS 2026

IN THE GIG WORKERS TRIBUNAL

IN THE STATE OF \_\_\_\_\_

MALAYSIA

DISPUTE NO: \_\_\_\_\_

NOTICE OF HEARING

BETWEEN

.....  
AND  
.....

**TAKE NOTICE** that this dispute will be heard by the Tribunal at \_\_\_\_\_ on the \_\_\_\_\_ day of \_\_\_\_\_ year \_\_\_\_\_ at \_\_\_\_\_ a.m./p.m.

**TAKE FURTHER NOTICE** that if you fail to appear, the Tribunal may, pursuant to section 39 of the Act, hear and determine the dispute if the Tribunal is satisfied that a notice of hearing has been duly served to the absent party.

Dated this \_\_\_\_\_ day of \_\_\_\_\_ 20 \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(Seal)  
Registrar

## SECOND SCHEDULE

[Regulation 9]

## FEE

(1) Description	(2) (RM)
Reasons for award or dismissal of complaint	10.00

Made 26 March 2026

[KSM.PUU(S)600-1/1/38(5); PN(PU2)780]

DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN  
*Minister of Human Resources*